

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, February 13, 2020 12:54 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Workshop On Patent Search via lens.org' Tingkat Kesedaran Hasil Penyelidikan Unik



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 FEBRUARI 2020 / 19 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Mohd Afnan Abdul Khoni

WORKSHOP ON PATENT SEARCH VIA LENS.ORG TINGKAT KESEDARAN HASIL PENYELIDIKAN UNIK



UUM ONLINE: Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) telah menganjurkan 'Workshop on Patent Search via lens.org' di Bilik Mesyuarat Utama, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, kelmarin.

Bengkel yang dikendalikan oleh Felo ICC, Prof. Madya Dr. Ruzinoor Che Mat bertujuan untuk memberikan kesedaran mengenai keperluan dan kepentingan menghasilkan penyelidikan yang unik dan inovatif, di samping membantu para penyelidik UUM dalam proses permohonan geran penyelidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Carian paten telah dijadikan salah satu syarat yang harus dipenuhi dalam permohonan geran KPM dan menerusi bengkel itu, konsep asas penggunaan pangkalan data lens.org dan aplikasinya telah didedahkan kepada peserta tentang panduan untuk membuat carian paten.

Melalui bengkel ini juga, peserta memperoleh pengetahuan berkaitan penyelidikan yang telah dilakukan dalam bidang kepakaran masing-masing dan dapat membantu menentukan sama ada penyelidikan mereka adalah unik dan inovatif.

Informasi penting yang berkaitan dengan bidang penyelidikan bukan sahaja dapat diperoleh daripada carian di dalam artikel jurnal yang telah diterbitkan, malahan dapat diperoleh daripada pangkalan data paten.

Lebih 30 staf UUM terdiri pensyarah, penyelidik dan pelajar pasca siswazah telah mengikuti bengkel selama sehari itu.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.